

08 JAN 1998

BPR

BPR TAMBAH KAKITANGAN SELARAS AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan diperkukuhkan dengan tambahan 237 kakitangan baru selaras dengan perluasan bidang kuasanya dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Ketua Pengarah BPR Datuk Shafee Yahaya berkata kakitangan baru kini dalam proses pengambilan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan oleh BPR sendiri bagi peringkat bawah.

"Kesemua kakitangan baru itu akan menjalani latihan yang agak panjang selama sembilan bulan sebelum diserapkan ke mana-mana bahagian atau unit BPR," katanya ketika ditemui selepas pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat BPR di sini hari ini.

Shafee berharap latihan yang lebih panjang termasuk latihan praktikal dan pembentangan kajian kes semasa tempoh latihan dapat membentuk pegawai dan kakitangan yang lebih berkebolehan.

Penambahan kakitangan itu adalah tepat pada masanya kerana akta baru yang berkuatkuasa hari ini memerlukan lebih kakitangan dengan penubuhan Bahagian Pengawasan yang bertanggungjawab mengkaji sistem dan prosedur kerja jabatan atau agensi awam, katanya.

"Bahagian Pengawasan akan meninjau kelemahan dalam sistem dan prosedur sesuatu jabatan atau agensi awam termasuk dari segi penyeliaan yang mungkin tidak mencukupi dan pelanggaran tata tertib kakitangan sehingga berlakunya rasuah yang begitu tinggi," katanya.

Shafee berkata Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan yang turut dilancarkan oleh Perdana Menteri pada majlis yang sama, mempertanggungjawabkan ketua sesuatu jabatan meninjau tatacara kerja dan aspek penyeliaan atau kawalan dan sekiranya terdapat kelonggaran atau kelemahan, mereka sendiri harus memperbaikinya.

"Selain itu, perlu juga usaha untuk meningkatkan ketelusan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat termasuk mengadakan piagam pelanggan yang jabatan perlu memastikan proses kerja dan tempoh masa yang ditetapkan dilaksanakan bagi mengurangkan peluang rasuah," katanya.

Ditanya sama ada akta baru itu boleh digunakan untuk menyelesaikan kes yang masih dalam siasatan, Shafee menjelaskan kaedah penyiasatan dalam akta baru itu boleh dipakai untuk proses siasatan kes lama.

"Tetapi hukuman yang dikenakan bagi kes yang telah mula disiasat sebelum akta baru dikuatkuasakan harus mengikut hukuman dan penalti dalam akta lama iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961," katanya. -- BERNAMA

ZAI FAZ